



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JFW 462 – PENGURUSAN INSTITUSI KEWANGAN
DAN PASARAN**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

SOALAN 1 (20 markah)

‘Harga laksana, merupakan harga hak untuk memperolehi aset pendasar (*underlying asset*). Harga ditetapkan semasa kontrak derivatif ini dibuat. Harga kontrak sentiasa berubah, bergantung kepada keadaan pasaran.

- (a) Terangkan jenis kontrak derivatif ini. (5 markah)
- (b) Apakah faktor yang mempengaruhi nilai kontrak derivatif ini? (15 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

- (a) Antara masalah yang dialami oleh bank di Malaysia adalah masalah hutang lapuk tidak berbayar (*non-performing loan*). Banyak firma lewat membayar hutang apabila sampai tempoh, malahan ada yang tidak mampu melunaskan pinjaman mereka (Utusan Malaysia, 2015).

Jelaskan **LIMA (5)** kaedah yang boleh diambil oleh pihak bank untuk mengatasi masalah ini.

(15 markah)

- (b) Secara ringkas, terangkan Teori Hukum Satu Harga (*Law at One Price*). (5 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

- (a) Terangkan maksud pembiayaan luar kunci kira-kira (*off balance sheets*) dan **TIGA (3)** kaedah yang digunakan oleh pihak untuk melaksanakan aktiviti ini. (12 markah)

- (b) “Bank XX hanya menyediakan perkhidmatan kepada syarikat perniagaan yang besar seperti syarikat berhad dan sendirian berhad. Ia tidak menyediakan perkhidmatan kewangan kepada orang awam”.

Apakah fungsi utama perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh bank XX?

(8 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

- (a) Bagi membangunkan pasaran kedua gadaai janji dan pasaran modal, Cagamas Berhad akan membeli sejumlah nota gadaai janji, pinjaman atau surat berharga dari pihak bank dan institusi kewangan di Malaysia. Bagi membiayai pembelian ini, Cagamas perlu menerbitkan beberapa bentuk sekuriti. Terangkan ciri sekuriti tersebut.

(12 markah)

- (b) Kadar pertukaran mata wang yang sentiasa turun naik akan menjejaskan perdagangan antarabangsa. Jelaskan kesan perubahan permintaan dan penawaran Ringgit terhadap kadar tukaran Ringgit Malaysia berbanding US dollar.

(8 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

- (a) Andaikan pegangan rizab minimum yang ditetapkan oleh Bank Pusat adalah 10% dan bank mengalami pengurangan deposit sebanyak RM10 juta.

Bank AA			
Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2017			
Aset	(RM Juta)	Liabiliti	(RM Juta)
Rizab	20	Deposit	100
Pinjaman	80	Modal	10
Pelaburan sekuriti	10		
	110		110

Terangkan kesan perubahan kecairan dan pegangan rizab kepada kunci kira-kira Bank AA.

(10 markah)

- (b) Encik Govin merupakan pelabur yang kurang agresif. Beliau cenderung untuk melabur dalam instrumen kewangan yang mempunyai risiko kemungkiran yang rendah, tempoh matang yang singkat tetapi mempunyai tahap kecairan yang tinggi. Berdasarkan ciri ini, cadangkan **LIMA (5)** jenis instrumen yang boleh dilaburkan oleh beliau.

(10 markah)